

20 JAN 1998

Mahathir-Islam

DR MAHATHIR GESA UMAT ISLAM TINGKATKAN PENGETAHUAN DALAM SEMUA BIDANG

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam selain memajukan pengetahuan mereka dalam bidang agama, juga harus menuntut, menguasai serta mengemukakan idea dalam bidang-bidang lain.

Perdana Menteri berkata Islam menuntut supaya manusia meningkatkan pengetahuan mereka dalam semua bidang.

"Kekurangan ilmu bukan menjadi sebahagian daripada budaya orang Islam.

"Di zaman (kegemilangan) Islam dahulupun, orang Islam mempunyai lebih pengetahuan daripada orang bukan Islam," katanya pada majlis perasmian Kampus Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Kampung Pandan, di sini.

Perdana Menteri juga melancarkan Yayasan Pembangunan Masjid Wilayah Persekutuan dan Buku Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur.

Yang hadir pada majlis itu ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman, yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mengulas sebuah buku yang dibacanya mengenai keagungan Islam dalam memerintah Sepanyol atau nama Arabnya Andalusia suatu ketika dahulu, Dr Mahathir berkata umat Islam di bawah pemerintahan Abdul Rahman pertama, kedua dan ketiga berjaya membawa kemajuan kerana mereka memiliki pengetahuan dalam banyak bidang.

Bagaimanapun, selepas pemerintahan Abdul Rahman ketiga, pertikaian dan permusuhan timbul di kalangan mereka kerana ramai daripada mereka mula mempunyai tafsiran yang berlainan dan bercanggah mengenai Islam.

"Ada yang mencari pertolongan daripada musuh Islam dan dengan itu empayar Islam di semenanjung Sepanyol semakin lemah dan mundur... Itulah nasib orang yang lemah yang tiada pengetahuan walaupun mempunyai pengetahuan dalam Islam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak ada sebab mengapa orang Islam tidak boleh maju kerana peluang untuk menuntut ilmu semakin banyak di negara ini.

Beliau mencadangkan supaya pungutan melalui Baitulmal dan zakat fitrah digunakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan umat Islam.

Dr Mahathir berkata ramai orang Islam kini mampu untuk menderma wang yang banyak bagi membina masjid dan sebagainya.

"Sama ada (derma itu) diberi secara terus atau melalui Baitulmal, hakikatnya mereka dapat memberi dan memberi dengan banyak kerana mereka telah berjaya dan kejayaan mereka tidak dapat dipisahkan daripada ilmu pengetahuan," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata media antarabangsa telah menggambarkan semua orang Islam sebagai penganas, pelampau dan sebagainya.

"Ini gambaran yang sengaja diadakan oleh sesetengah pihak dan yang bukan Islam mempercayainya," katanya.

Untuk mengelak tanggapan salah itu, umat Islam harus memberi orang bukan Islam peluang bergaul dan memahami agama serta budaya mereka (orang Islam).

Satu contoh ialah tindakan IPB untuk mengambil penuntut bukan Islam dari Sabah dan Sarawak, katanya. --BERNAMA

ES RON